



# **KENYATAAN MEDIA**

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**

### **MAJLIS PERASMIAN KONSERVASI BIODIVERSITI MARIN “SEHATI SEJIWA” BERSAMA KOMUNITI PULAU BESAR SEMPENA**

### **MAJLIS PRA PELANCARAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016**

**27 SEPTEMBER 2016**

- 
1. YB Datuk Ir. Hj. Hamim Bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Konservasi Biodiversiti Marin Sehati Sejiwa Bersama Komuniti Pulau Besar Bersempena Majlis Pra Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara (HASN 2016) (Marin) 2016 di Taman Laut Pulau Besar, Mersing, hari ini.
  2. Pengurusan sumber biodiversiti Negara amat penting bagi memastikan sumber ini dapat terus dinikmati oleh generasi kini dan akan datang. Justeru, pelaksanaan program hari ini adalah bagi menyokong usaha-usaha pemuliharaan biodiversiti marin Negara ke arah kelestarian ekosistem ini. Pengisian Program Konservasi Biodiversiti Marin “Sehati Sejiwa” Bersama Komuniti Pulau Besar hari ini merangkumi :
    - a) Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di antara Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dan pihak MALAKOFF Corporation Bhd
    - b) Pra Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara 2016
    - c) Program Peletakan Boya Penambat di Kepulauan Taman Laut Johor dan Boya Penanda di Perairan Pulau Besar
    - d) Program Pembersihan Terumbu Karang.

3. Tahun ini merupakan tahun ke empat program CSR JTLM-Malakoff dilaksanakan di kawasan Taman Laut Johor sejak dimulakan pada tahun 2013. Jalinan kerjasama yang berterusan ini menggambarkan kesungguhan dan hasrat murni badan korporat seperti Malakoff Corporation Bhd melalui program CSR dalam memperkasakan usaha-usaha konservasi biodiversiti di Negara ini. Dalam program yang dijayakan JTLM-Malakoff ini, sebanyak 4000 anak karang atau nubbin akan ditanam dan aktiviti pembersihan terumbu karang di perairan Pulau Besar akan dilaksanakan. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini diharapkan akan dapat meningkatkan produktiviti ekosistem terumbu karang di perairan Kepulauan Negeri Johor. Di samping itu, sumbangan serta kerjasama yang berterusan daripada pihak swasta dan pihak berkepentingan yang lain amat diperlukan dalam memastikan keberkesanan usaha-usaha pemuliharaan biodiversiti marin yang dilaksanakan.
4. Ekosistem marin bukan sahaja menyediakan ruang kepada hidupan marin lain untuk mencari makanan, membiak dan membesar malahan turut menjadi penghalang bagi hakisan pantai serta penyumbang yang besar terhadap bekalan oksigen dalam atmosfera kita. Ekosistem marin menerima pelbagai ancaman daripada aktiviti manusia mahupun ancaman semulajadi.
5. Isu *global warming* atau pemanasan suhu dunia memberi kesan kepada lautan dan ekosistem marin melalui peningkatan aras laut, pengasidan air laut, kelunturan karang, hakisan pantai dan sebagainya. Laporan daripada World Ocean Summit menganggarkan kadar kehilangan habitat marin adalah sebanyak 0.2 – 7% setahun. Jadi amat wajar bagi usaha-usaha kerjasama abgi memulihara biodiversiti marini dalam memperkasakan konservasi biodiversiti marin seperti ini diteruskan dari masa ke semasa.
6. Mesyuarat pertama Majlis Biodiversiti Negara (MBN) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bersidang pada 22 Oktober 2013 telah meluluskan Cadangan Projek Restorasi Karang

di Pulau-Pulau Seluruh Negara yang dibentangkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Projek Restorasi Karang di pulau-pulau seluruh Negara adalah sebahagian daripada usaha memulihara biodiversiti marin.

7. Susulan itu, pada masa ini, JTLM sedang giat mengambil tindakan bagi melaksanakan program tersebut. Sejak bermulanya projek ini, sebanyak 32,498 nubbin telah ditanam oleh JTLM di negeri yang mempunyai pulau Taman Laut dengan sejumlah keluasan 2.7 ekar dengan pecahan butiran seperti berikut :

Bil.	Lokasi	Bil. Anak Karang (Nubbin)
1	Terengganu	11,520
2	Pahang	10,618
3	Johor	5,350
4	Kedah	4,090
5	W.P Labuan	920
<b>JUMLAH</b>		<b>32,498</b>

Jadual 1: Bilangan Nubin Yang Berjaya Dipasang (sehingga 2015)

8. Melalui program hari ini juga, sebanyak 10 unit boya penambat akan dilabuhkan di sekitar Pulau-pulau Taman Laut Johor dan boya penanda sepanjang 300 meter di kawasan rekreasi air di perairan Pulau Besar. Pelabuhan boya penambat dan penanda ini merupakan satu kemudahan yang disediakan JTLM untuk bot-bot yang berlabuh di kepulauan ini dan bagi menjamin keselamatan para pelancong yang melaksanakan aktiviti air seperti berenang dan snorkeling bagi mengurangkan risiko kerosakan terhadap

ekosistem terumbu karang Taman Laut dan insiden kemalangan serta kecederaan pelancong semasa melaksanakan aktiviti air.

9. Pada hari ini juga, JTLM turut melancarkan Pra Pelaksanaan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang mana akan disambut pada 22 Oktober 2016 di Kuching Sarawak. Sambutan HASN 2016 ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan kepentingan alam sekitar di kalangan masyarakat. Pada tahun ini, Sambutan Hari Alam Sekitar Negara membawa tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”. Tema ini bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan perkongsian tanggungjawab ke atas alam sekitar tidak hanya disandarkan kepada Kerajaan malahan juga kepada masyarakat.
  
10. Lautan meliputi lebih 70% daripada bumi merupakan komponen yang terbesar dalam alam sekitar kita. Pencemaran di lautan terjadi disebabkan oleh pencemaran yang dibawa dari daratan yang mengancam ekosistem marin. Justeru, sumbangan dan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya komuniti setempat amat penting dalam memastikan pengurusan Taman Laut dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan efisien bagi menjamin kelestarian sumber biodiversiti marin Negara. Pelindungan dan pemeliharaan sumber ini yang berkekalan dijangka memberi impak yang besar kepada sektor ekopelancongan negara di samping meningkatkan taraf hidup komuniti setempat yang banyak bergantung kepadanya.